

# Abdullah bayar saman trafik esok

KUALA LUMPUR 10 Jun - Walaupun beliau seorang Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak terlepas daripada tanggungjawab menjelaskan saman yang dikeluarkan polis trafik ke atas kenderaan rasmi serta dua kereta miliknya.

Beliau yang tidak mengetahui mengenai saman yang dikeluarkan atas namanya itu memberitahu akan menjelaskan kesemua saman berjumlah RM3,300 itu, Isnin ini.

Menurutnya, perkara itu dimaklumkan kepadanya oleh Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan hari ini.

"Itulah, saya dengar tadi Tan Sri Musa Hassan beritahu saya. Isnin ini kita bayar semualah.

"Dulu ada saman, saya bayar juga, bukan tak bayar. Terima kasih kerana beritahu," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Polis di Taman Tasik Titiwangsa di sini hari ini.

Abdullah mengulas laporan beberapa akhbar Cina yang memetik kenyataan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng pada 8 Jun lalu yang mendakwa beliau mempunyai 11 saman tertunggak ke atas ketiga-tiga kenderaan tersebut.

Dalam kenyataannya, Guan Eng mendakwa saman-saman tersebut dengan kompaun maksimum RM300 dikeluarkan ke atas kenderaan rasmi Perdana Menteri dengan nombor pendaftaran WCH 13 dan dua lagi kereta milik persendirian bernombor WJP 2800 dan WLP 3142.

Guan Eng mendakwa, lima daripada saman itu dikeluarkan kerana kesalahan memandu laju, empat kerana menghalang lalu lintas dan dua kerana meletak kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan.

Kata Guan Eng, Perdana Menteri boleh diberi diskaun sehingga 70 peratus ke atas jumlah saman tertunggak itu dan hanya perlu membayar RM1,000 bagi kesemua 11 saman tersebut.

Kesalahan-kesalahan itu dilaporkan dilakukan antara Jun 2002 dan Ogos tahun lalu.